



UM sangkal dakwaan ambil duit mahasiswa terima pinjaman PTPTN

Oleh [Irwan Shafrizan Ismail](#) - Oktober 5, 2022 @ 5:50pm
bhnews@bh.com.my



Universiti Malaya

KUALA LUMPUR: Universiti Malaya (UM) menyangkal dakwaan tular berkait penolakan dua kali ganda dan tiada bayaran balik diterima apabila mahasiswa yang menerima pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) membuat pengaktifan selepas mendaftar kursus di dalam sistem Maya.

Universiti itu menerusi kenyataan hari ini memaklumkan, dakwaan penolakan dua kali ganda sebenarnya adalah caj yuran pengajian bagi pelajar berstatus aktif serta yuran penginapan yang ditolak selepas pelajar berkenaan mengesahkan penerimaan tawaran menduduki kolej kediaman.

"Yuran-yuran terbabit adalah berbeza dan dicaj sekali pada setiap semester.

"Khusus kepada pelajar UM yang menerima pinjaman PTPTN, caj itu dikenakan terus kepada mereka pada awal semester sebagai langkah prihatin bagi menjaga kebijakan pelajar terbabit," katanya dalam kenyataan hari ini.

UM memaklumkan, langkah itu dilaksana berikutan aduan daripada pihak Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) bahawa kelewatan caj yuran penginapan sebelum ini telah menimbulkan masalah kepada pelajar.

"Berdasarkan kepada tinjauan yang dilaporkan dalam Senarai Pelajar Memohon Penangguhan Bayaran Yuran (KMUM, 2022), pelajar yang menerima PTPTN telah menyenaraikan kelewatan caj yuran penginapan sebagai punca tidak dapat menjelaskan yuran.

"Ini kerana pinjaman yang diberikan pada semester berkenaan sudah dibelanjakan untuk keperluan lain," katanya.

UM berkata, oleh demikian, bagi mengelak masalah berkenaan berulang, pihak universiti menambah baik perkhidmatan dengan menjana caj sesegera mungkin supaya pelajar maklum dengan jumlah yuran yang perlu dijelaskan seterusnya dapat menguruskan kewangan masing-masing dengan lebih berkesan.

"Sebagai maklumat tambahan, amaun pinjaman sudah dikreditkan terus ke akaun pelajar yang bermaksud tiada penahanan bayaran berlaku.

"UM juga akan memulangkan semula lebihan bayaran yuran (sekiranya ada) selepas tempoh pengaktifan pendaftaran berakhir," katanya.

Baru-baru ini, KMUM dalam satu kenyataan memaklumkan menerima aduan daripada mahasiswa sejak hujung bulan lalu berkait penolakan dua kali ganda dan tiada bayaran balik diterima apabila mahasiswa yang menerima PTPTN membuat pengaktifan selepas mendaftar kursus di dalam sistem Maya.

KMUM turut menzahirkan kekecewaan dan mendakwa pihak pengurusan UM bersikap tidak berperikemanusiaan dan memberi harapan palsu menerusi satu kenyataan media pada 18 Ogos lalu bertajuk 'UM beri kelonggaran jelaskan yuran pelajar ijazah dasar, terus usaha ringankan bebanan pelajar' namun yang terjadi adalah sebaliknya.